

PENULISAN AL-QURAN DENGAN RASM UTHMANI DI ANTARA TAWQIF DAN IJTIHAD

QURANIC ORTHOGRAPHY WITH THE UTHMANI SCRIPT: BETWEEN TAWQIF AND IJTIHAD

Abd Qadir Umar Usman Al-Hamidy

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar
Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: alhamidy@usim.edu.my

Abstrak

Al-Quran al-Karim diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril AS secara beransur-ansur dalam masa dua puluh dua tahun lebih. Setiap turunnya ayat kepada Nabi SAW, Baginda memanggil penulis wahyu untuk mencatatnya. Rasulullah SAW wafat setelah al-Quran selesai semuanya diturunkan dan semuanya ditulis dan disimpan di rumah Nabi SAW tanpa berurutan ayat-ayat dan surah-surahnya. Pada masa khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA, al-Quran disalin pada sebuah Mushaf yang tersusun ayat-ayatnya, tidak surah-surahnya dan disimpan di rumah Abu Bakar RA selama hidupnya. Kemudian di rumah Umar bin Khattab RA selama hidupnya. Kemudian di rumah Hafsa binti Umar janda Rasulullah SAW. Pada masa khalifah Uthman bin Affan RA, al-Quran disalin pada beberapa buah Mushaf yang sama bentuk tulisannya. Kemudian dikirim ke beberapa kota besar Islam bersama-sama dengan muqri' masing-masing. Kajian ini bertujuan mengenal pasti apakah penulisan al-Quran dilakukan secara tawqifi dengan bimbingan langsung dari Nabi SAW berdasarkan wahyu atau hasil ijihad dari para sahabat penulis wahyu. Dalam perkara ini para ulama berbeza pendapat yang akan dihuraikan dalam pembahasan nanti. Untuk mencapai tujuan ini, metode kajian keperustakaan digunakan bagi mendapat bahan-bahan yang berkaitan dengan permasalahan ini dan menganalisisnya dengan berpandukan dalil naqli dan aqli yang terakreditasi. Dapatan daripada kajian ini digunakan untuk kemaslahatan kaum muslim dalam mempertahankan keaslian tulisan al-Quran al-Karim dari serangan pihak-pihak yang memusuhinya.

Kata kunci: penulisan – al-Quran – rasm uthmani - tawqif.

Abstract

Allah has revealed the Holy Quran to Prophet Muhammad pbuh through the angel Jibreel in stages across a period of more than 20 years. Each time a verse was revealed, the Prophet would summon the recorders of revelation to document it. The Prophet pbuh passed away after all verses had been revealed. They were written and kept at the Prophet's house, but the orders of the verses and chapters were still disarranged. During the governance of Caliph Abu Bakar al-Siddiq RA, the al-Quran was copied into a Mushaf. The verses were corrected in order, but the chapters not. It was kept at Abu Bakar RA's home until his passing, and then at Umar bin Khattab RA's home. During the time of Uthman bin Affan RA, the al-Quran was copied into several identical Mushafs, which were then distributed to large Islamic cities along with muqri's. This study attempts to investigate whether the writing of the al-Quran is done by tawqifi, that is under the direct instruction of the Prophet pbuh based on the revelation, or merely the result of ijihad from the recorders of revelation. Scholars have differing views on this matter. To accomplish this objective, library research was done to obtain materials concerning this topic and to analyze them under the guidance of accredited naqli and aqli proofs. The results of this study are beneficial for the Muslim society in defending the authenticity of the al-Quran al-Karim writing from the attacks of opponents.

Keywords: orthography – al-Quran – rasm uthmani - tawqif.

Pendahuluan

Belum pernah didapati sepanjang sejarah sebuah kitab samawi atau basyari yang diberi perhatian penuh dalam penjagaan dan pemeliharannya sepertimana yang diperolehi oleh *al-Quran al-Karim* dan *Mushaf al-Syarif*. Pada zaman kenabian, *al-Quran* diturunkan kepada Rasulullah SAW secara beransur-ansur dalam masa dua puluh dua tahun lebih, agar lebih mudah dipelihara, diingat, ditulis dan disimpan di dalam dada. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْتَبٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴿١٦٦﴾

Dan *al-Quran* itu telah kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacaknya perlahan-lahan kepada manusia dan kami menurunkannya bahagian demi bahagian. (Al-Quran. al-Isra' 17: 106).

Dan firmanNya:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْءَانُ جُمْلَةً وَّحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٢٣﴾

Berkatalah orang-orang yang kafir: "Mengapa *al-Quran* itu tidak diturunkan kepadanya sekali turun saja?" Demikianlah, supaya Kami perkuat hatimu dengannya dan Kami membacanya secara tartil (teratur dan benar). (Al-Quran. al-Furqan 25: 32).

Maksudnya: *Al-Quran* itu tidak diturunkan sekaligus, tetapi diturunkan secara beransur-ansur agar dengan cara demikian hati Nabi Muhammad SAW menjadi kuat dan tetap. Keinginan Nabi SAW yang luar biasa untuk menghafalnya, Baginda hendak cepat-cepat membacanya, kerana khawatir ada daripadanya yang terlupa, lalu Allah SWT menenangkannya dengan berfirman:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ﴿١٦٦﴾ إِنَّ عَلَيْهِ نَاجِجَةً وَّوَقُءَانَهُ ﴿١٦٧﴾ فَإِذَا قَرَأْتَ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ ﴿١٦٨﴾ تَرْتِيلًا عَلِيمًا بَيَانَهُ ﴿١٦٩﴾

Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) *al-Quran* karena hendak cepat-cepat (menguasai)nya. Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan

(membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacaknya, maka ikutlah bacaannya itu. Kemudian, sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya. (Al-Quran. al-Qiyamah 75: 16-19).

Maksudnya Nabi Muhammad SAW dilarang oleh Allah meniru bacaan Jibril AS kata demi kata, sebelum Jibril AS selesai membacaknya, agar dapat Nabi Muhammad SAW menghafal dan memahami betul-betul ayat yang diturunkan itu. Rasulullah SAW hendak mendahului Jibril AS kerana berkeinginan sangat menghafalnya. Lalu Allah SWT mengajarnya bagaimana seharusnya menerima *al-Quran* itu. Firman Allah:

فَتَعَلَى اللَّهِ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُفَصِّلَ إِلَيْكَ وَحْيَهُ وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١٧٤﴾

"... dan janganlah kamu tergesa-gesa membaca *al-Qur'an* sebelum disempurnakan mewahyukannya kepadamu, dan katakanlah: "Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan." (Al-Quran. Taha 20: 114.).

Maksudnya Nabi Muhammad SAW dilarang oleh Allah bersegera meniru bacaan Jibril AS kalimah demi kalimah, sebelum Jibril AS selesai membacaknya, agar dapat Nabi Muhammad SAW menghafal dan memahami betul-betul ayat yang diturunkan itu. Sebaliknya Nabi SAW diperintahkan agar memohon agar ditambahkan ilmu oleh Tuhannya.

Inilah dasar pertama penerimaan *al-Quran*, iaitu dengan cara *talaqqi* dan *musyafahah* (penerimaan langsung secara lisan), serta hafalan di dalam dada dengan sandaran (*isnad*) yang merupakan ciri khas umat ini. Dengan cara inilah *al-Quran* dan *al-Sunnah al-Nabawiyah* diterima dan disampaikan. Sekiranya tidak demikian (tidak ada *isnad*) pastilah seseorang mengatakan apa yang ia suka. *Al-Quran* tidak diterima kecuali dengan cara *talaqqi* dan *musyafahah* dan tidak ditetapkan melainkan secara *mutawatir*.

Dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA, katanya: "Adalah Rasulullah SAW orang yang paling pemurah dengan kebaikan. Lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadhan ketika bertemu dengan Jibril, lalu beliau membaca

*Al-Quran bersamanya.*¹ Aisyah Ummul Mukminin dan Fatimah al-Zahra' RA pula berkata: “Kami mendengar Rasulullah SAW bersabda: “*Sesungguhnya Jibril datang kepadaku mendengar al-Quran sekali dalam setiap tahun. Sesungguhnya beliau datang kepadaku dalam tahun ini sebanyak dua kali mendengar al-Quran. Aku tidak melihatnya lagi hingga ajalku tiba*”.²

Kerana itu jalan yang dipercayai sampainya *al-Quran* kepada kita adalah *isnad* (sandaran), *riwayat*, *musyafahah* (penerimaan secara lisan) dan hafazan di dalam dada (hati). Inilah perkara yang diamati (diperhatikan) sejak ayat pertama diturunkan kepada guru pertama umat ini Nabi Muhammad SAW. Malaikat Jibril AS meniupkan wahyu ke dalam rongganya (dadanya) dan membacakan *al-Quran* dengan penerimaan langsung oleh Nabi SAW melalui pendengaran, kemudian membaca ulang di hadapan Jibril AS pada kali yang lain yang disebut dengan *al-'ardh* (العرض) iaitu perbentangan. Rasulullah SAW menyampaikan *al-Quran* kepada para sahabat dengan cara yang sama. Dengan cara itu juga *al-Quran* disampaikan kepada generasi berikutnya hingga sampai kepada kita, hingga Allah SWT mewarisi bumi ini dengan segala isinya.

Cara kedua adalah dengan cara menulis di lembaran-lembaran kertas bagi menyokong hafalan di dalam dada. Untuk itu Rasulullah SAW mengambil penulis-penulis wahyu. Apabila wahyu turun kepadanya, beliau memanggil seseorang dari mereka, seraya berkata kepada orang yang duduk bersamanya: “*Panggillah Zaid datang kepadaku, hendaklah dia membawa kepingan dan dakwat, atau tulang belikat dan dakwat*”. Kemudian Rasulullah SAW berkata kepada Zaid: “*Tulislah, seraya beliau membacakan kepadanya لا يستوي القعدون*”.³

Dalam riwayat lainnya Rasulullah SAW bersabda: “*Jangan kalian tulis sesuatu daripadaku selain al-Quran. Barang siapa telah menulis sesuatu daripadaku selain al-Quran, maka hendaklah ia menghapusnya*”.⁴ Rasulullah SAW juga bersabda: “*Letakkan surah ini di tempat dimana tersebut ini dan ini ...*”.⁵ Al-Quran telah ditulis semuanya di hadapan Rasulullah SAW pada lembaran-lembaran, pelepah-pelepah kurma, lempengan-lempengan batu,

kepingan-kepingan tulang, kain-kain usang dan lain-lain. Namun ianya belum dikumpulkan pada satu *mushaf* kerana Rasulullah SAW masih menunggu turunnya wahyu dan datangnya sebahagian ayat *nasikhah* (ayat yang *menasakhkan* ayat yang diturunkan terlebih dahulu) . Sebelum Rasulullah SAW kembali kepada Allah, Al-Quran telah pun ditulis semuanya.

Dengan demikian nyatalah bahawa al-Quran telah terhimpun pada masa Nabi SAW, tersimpan di dalam dada dan tercatat pada lembaran. Perhatian orang-orang Islam dan *khulafaurrasyidin* terhadap al-Quran tidak berhenti hingga di situ. Perhatian mereka semakin membesar dan bertambah sesuai dengan masalah baru yang terjadi dan kemudahan mendapatkan media-media pemeliharaan yang baru.

Setelah Rasulullah SAW wafat dan Abu Bakar RA. diangkat menjadi khalifah, beliau menghadapi beberapa peristiwa. Di antaranya sebahagian kabilah Arab murtad kembali dan munculnya golongan yang enggan membayar zakat. Selain itu sebahagian orang telah mengikuti Musailimah al-Kazzab yang mendakwa dirinya sebagai nabi. Abu Bakar RA mengambil tindakan tegas terhadap golongan-golongan ini. Maka terjadilah peperangan antara orang-orang Islam dan mereka yang murtad dalam perang *Yamamah* pada tahun 12H. Dalam peperangan itu telah mati syahid dari golongan para sahabat yang hafal al-Quran dalam jumlah yang besar. Hal itu telah membuat umat Islam menghadapi kesukaran. Lalu Umar bin Khattab RA datang kepada Abu Bakar RA dan memberitahukannya apa yang terjadi, serta mencadangkan kepadanya agar al-Quran dikumpulkan sebelum tercetus peperangan lain yang boleh jadi akan gugurnya penghafal-penghafal al-Quran yang masih hidup. Dalam hal ini Imam al-Bukhari ra. meriwayatkan dalam kitab *sahihnya*:

“*Bahawa Zaid bin Thabit RA mengatakan: “Abu Bakar memanggilku setelah peperangan Yamamah. Tiba-tiba aku mendapati Umar ada di situ. Abu Bakar berkata kepadaku: ‘Umar ini datang kepadaku seraya berkata: ‘Dalam peperangan Yamamah para sahabat yang hafaz al-Quran telah banyak yang gugur. Aku khawatir akan gugurnya para sahabat yang*

¹ Al-‘Asqalani, Ahmad ibn Ali ibn Hajar. 1379 H. *Fathu al-Bari Syarh Sohih al-Bukhari*. Bairut: Dar al-Ma’rifah, juz 1, hal. 30.

² Al-‘Aini, Badruddin Abu Muhammad. T.t. *‘Umdah al-Qari’ Syarh Sahih al-Bukhari*. Bairut: Dar Ihya al-Turats al-‘Arabi, juz 20, hal. 23.

³ Al-‘Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. *Fathu al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, juz 6, hal. 227.

⁴ Muslim, Muslim ibn Hajjaj. T.t. *Sahih Muslim*. Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi. Bairut: Dar Ihya al-Turats al-‘Arabi, juz 4 hal. 2298, hadis No. 72 (3004).

⁵ Ibnu Hanbal, Ahmad. 1416 H./1995 M. *Musnad Imam Ahmad*. Tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir. Kahirah: Dar al-Hadits, juz 1, hal. 378.

lain yang hafaz al-Quran dalam peperangan selanjutnya, sehingga banyak ayat-ayat al-Quran itu hilang dengan keguguran mereka. Kerana itu aku berpendapat agar al-Quran itu dikumpulkan. Aku katakan kepada Umar: 'Mengapa aku harus melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW?' Umar menegaskan: 'Demi Allah! Ini adalah perbuatan yang baik. Dan ia berulang-kali memberi alasan-alasan kebaikan mengumpulkan al-Quran ini, sehingga Allah membuka hati Abu Bakar untuk menerima pendapat Umar itu'. Kemudian Abu Bakar berkata: 'Engkau adalah seorang pemuda yang cerdas, yang aku percayai sepenuhnya. Dan engkau adalah seorang penulis wahyu yang selalu disuruh oleh Rasulullah SAW. Kerana itu, kumpulkanlah ayat-ayat al-Quran itu'. Zaid menjawab: 'Demi Allah, sekiranya aku disuruh memindahkan sebuah bukit, maka hal itu tidaklah lebih berat bagiku daripada mengumpulkan al-Quran yang engkau perintahkan itu'. Dan ia (Zaid) berkata selanjutnya kepada Abu Bakar dan Umar: 'Mengapa kalian melakukan sesuatu yang tidak diperbuat oleh Rasulullah SAW? Abu Bakar menjawab: 'Demi Allah! Ini adalah perbuatan yang baik'. Ia lalu memberikan alasan-alasan kebaikan pengumpulan al-Quran itu, sehingga Allah membukakan hatiku untuk menerima pendapat Abu Bakar dan Umar mengenai pengumpulan al-Quran. Kemudian aku mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dari lembaran, pelepah kurma, batu, tanah keras, tulang-tulang unta atau kambing dan dari sahabat-sahabat yang hafaz al-Quran, sehingga aku mendapati ayat terakhir dari surah al-Tawbah bersama Abu Khuzaimah al-Ansari, yang aku tidak mendapatinya pada seorangpun selainnya:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا
عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ
رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾⁶

Al-Quran yang dikumpulkan oleh Zaid ini dalam bentuk sebuah Suhuf diserahkan kepada Abu Bakar untuk disimpan di rumahnya sampai beliau meninggal dunia. Kemudian dipindahkan ke rumah Umar bin Khattab selama hayatnya. Sesudah Umar wafat Suhuf tersebut disimpan di rumah Hafsa binti Umar, janda Rasulullah SAW.⁷

Dengan demikian Suhuf Abu Bakar RA ini adalah mushaf pertama yang mengumpulkan al-Quran di antara dua kulitnya dan memperoleh *ijma'* para sahabat RA semuanya. Demikianlah penjagaan diberikan kepada al-Quran secara berterusan dengan menghafal dan menuliskannya.

Manakala pembukaan wilayah-wilayah baru Islam bertambah luas pada masa pemerintahan khalifah Uthman bin Affan RA dan para sahabat pula telah mendiami beberapa kota dan negeri Islam, serta masa kehidupan umat telah lama ditinggalkan oleh Rasulullah SAW dan kedatangan wahyu, maka pola kehidupan juga berubah sesuai dengan perubahan yang terjadi di sekelilingnya. Penduduk setiap kota, mereka mengambil *qiraat* dari sahabat yang terkenal di kotanya. Penduduk negeri Syam membaca al-Quran dengan *qiraat* Ubay bin Ka'ab. Penduduk Kaufah membaca al-Quran dengan *qiraat* Abdullah bin Mas'ud. Selainnya membaca al-Quran dengan *qiraat* Abu Musa al-Asy'ari. Di antara para sahabat itu terdapat perbezaan dalam beberapa bentuk *qiraat*. Sebahagian mereka menyalahkan *qiraat* sebahagian lainnya. Sama halnya dengan apa yang pernah terjadi di antara para sahabat sebelum mereka mengetahui al-Quran diturunkan atas tujuh huruf. Bahkan lebih dahsyat lagi, anak-anak ketika bertemu, terus berselisih dan mengatakan: "Bacaanku lebih baik dari bacaanmu". Perselisihan ini bukan hanya terjadi di daerah yang berjauhan dari Madinah, bahkan di Madinah sendiri terjadi perselisihan seumpama ini di antara pelajar-pelajar al-Quran dan guru-guru mereka. Maka khalifah Uthman memandang besar masalah itu, lalu beliau naik ke minbar dan berpidato seraya mengatakan: "Adakah kamu sekalian yang berdekatan denganku berselisih dan saling menyalahkan ketika membaca al-Quran? Maka orang-orang dari penduduk negeri yang jauh daripadaku lebih banyak lagi berselisih dan saling menyalahkan...". Kemudian beliau berkata: Bersidanglah wahai para sahabat Muhammad dan tuliskan sebuah mushaf induk bagi manusia.⁸

⁶ Al-Quran. Al-Tawbah 9: 128-129.

⁷ Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah. 1422 H. Sahih al-Bukhari. Tahqiq: Muhammad

Zuhair bin Nasir. Bairut: Dar Tawq al-Najah, juz 6, hal. 183, hadis No. 4986.

⁸ Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 1420 H./2000 M. Jami'u al-Bayan fi Tafsir Al-Quran.

Imam al-Bukhari meriwayatkan dengan sanadnya dari Anas bin Malik RA, bahawa Huzaifah bin Yaman RA datang menjumpai khalifah Uthman RA kembalinya dari peperangan menaklukkan Armenia dan Azarbejan bersama-sama dengan orang-orang Syam dan 'Iraq. Di sana Huzaifah merasa terkejut mendengar perselisihan di antara mereka dalam membaca *al-Quran*. Huzaifah mengatakan kepada Uthman: 'Susullah umat ini sebelum mereka berselisih dalam membaca *al-Quran* sebagaimana berselisihnya orang-orang Yahudi dan Nasrani (berkenaan dengan kitab suci mereka)'. Lalu Uthman mengutus kepada Hafsah dengan mengatakan: "Kirimlah kepada kami suhuf untuk kami salin beberapa *mushaf* dari padanya, kemudian kami mengembalikannya kepadamu". Hafsah mengirim suhuf yang ada padanya kepada Uthman. Lalu Uthman memerintahkan Zaid bin Thabit, Abdullah bin Zubair, Sa'id bin 'As, dan Abd al-Rahman bin Harith bin Hisyam untuk menyalinnya kepada beberapa *mushaf*.

Uthman berkata kepada ketiga orang Quraisy itu: "Apabila kalian berbeda pendapat dengan Zaid dalam menyalin sesuatu kalimat *al-Quran*, maka tulislah dengan bahasa Quraisy. Kerana *al-Quran* ini turun dengan bahasa mereka. Mereka pun mengikuti sepenuhnya petunjuk Uthman itu. Setelah beberapa *mushaf* selesai disalin, Uthman pun mengembalikan Suhuf kepada Hafsah sebagai yang telah dijanjikan. Kemudian Uthman mengirim ke setiap negeri sebuah *mushaf* yang disalin itu dan memerintahkan agar catatan-catatan *al-Quran* lainnya atau *mushaf* lainnya supaya dibakar".⁹

Di antara perkara-perkara penting yang diperhatikan dalam pengumpulan Uthman ini, ialah:

1. Membatasi penulisan pada sesuatu yang ditetapkan secara *mutawatir* dan tidak menerima yang riwayatnya *ahad*.
2. Membatasi penulisan pada yang dibaca oleh Rasulullah SAW pada *al-'urdhah al-akhirah* (bacaan Nabi SAW di hadapan Jibril RA. pada tahun terakhir) dan menolak yang telah *mansukh tilawahnya* dan tidak dibaca pada *al-'urdhah al-akhirah*.
3. Menulisnya dengan cara yang dapat menampung tujuh huruf yang dengannya *al-*

Bairut: Muassasah al-Risalah, juz 1, hal. 62; Al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman. 1394 H./1974 M. *Al-Itqan fi 'Ulum Al-Quran*. Tahqiq: Muhammad Abu Fadl Ibrahim. Kahirah: Al-Haiyah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab, juz 1, hal. 209.
⁹ Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar, *Fath al-Bari*, juz 9, hal. 18.

Quran diturunkan dan mengosongkan *mushaf* dari segala apa yang bukan *al-Quran*, seperti catatan para sahabat berupa *tafsir* dan keterangan ayat, serta mengosongkannya dari titik dan baris agar *rasmnya* dapat menampung *qiraat-qiraat* yang *mutawatir*.

Gabungan *mushaf-mushaf* ini mencakupi ketujuh-tujuh huruf yang atasnya *al-Quran* diturunkan. *Qiraat* seperti: (وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمَ) ¹⁰ tidak terdapat dalam *Mushaf Madani*, akan tetapi didapati dalam *mushaf-mushaf* lainnya. Adapun *qiraat-qiraat* yang dapat tertampung dalam satu bentuk *rasm*, maka dalam semua *mushaf* ditulis dengan *rasm* yang sama, seperti firman Allah: ¹¹(فَتَبَيَّنُوا) dengan tidak membubuhi titik dan baris.

Disebabkan pegangan dalam penulisan *al-Quran* pada *talaqqi*, *musyafahah* dan *riwayat* - sebagai telah disebutkan - maka Uthman RA ketika mengirim *mushaf* ke negeri-negeri turut mengirim bersamanya seorang *qari'* yang pada keseluruhan *qiraatnya* sesuai dengan *rasm mushaf*. Maka untuk itu, Uthman menyuruh Zaid bin Thabit membaca *mushaf madani*; Mengutus Abdullah bin Saib sebagai *qari' mushaf makki*; Mengutus Mughirah bin Syihab sebagai *qari' mushaf syami*; Mengutus Abu Abd al-Rahman sebagai *qari' mushaf kauyfi* dan mengutus 'Amir bin Qais bagi membaca *mushaf basri*. Demikianlah kedua metod ini saling berhubungan sepanjang masa, iaitu: hafalan di dalam dada dan pemeliharaan dalam bentuk tulisan (*mushaf* yang ada di tangan kita sekarang).

Rasm Uthmani

Rasm Uthmani adalah *rasm* khas yang digunakan untuk menulis huruf-huruf dan kata-kata *al-Quran* pada setiap periode penulisan *al-Quran* dan yang terakhir sekali penulisannya pada masa khalifah Uthman bin Affan ra.¹² Salim Muhaisin (1349-1422H.) mengatakan: *Rasm istilahi* dan disebut juga *Rasm Uthmani* ialah: tulisan *mushaf-mushaf* yang ditulis oleh para sahabat Rasulullah SAW dan kebanyakan tulisannya sesuai dengan *rasm qiyasi (rasm imlaie)* dan sebahagiannya berbeda. *Ilmu Rasm Uthmani* ini telah dibukukan oleh para ulama dalam

¹⁰ Al-Quran. al-Baqarah 2: 132.

¹¹ Al-Quran. al-Hujurat 49: 6.

¹² Abd al-Hay al-Faramawi. 1397 H./1977 M. *Rasm al-Mushaf Baina al-Muayyidin wa al-Mu'aridin*, hal. 15.

karya tulis mereka dan kandungannya membicarakan cara penulisan *Mushaf Rasm Utsmani*.¹³

Dinamakan *Rasm Uthmani* tidak bererti khalifah Uthman yang menciptakannya. Akan tetapi dinamakan demikian kerana beliau yang mempopulerkan *rasm* ini dengan cara menyalin *Suhuf* Abu Bakar kepada beberapa *mushaf* standard yang dikirim ke beberapa kota besar Islam untuk menjadi pedoman orang-orang Islam di kota-kota itu dalam mereka membaca al-Quran.¹⁴ Sebenarnya *rasm* ini adalah *rasm* penulisan *Suhuf* Abu Bakar dan penulisan *al-Quran* pada zaman Rasulullah SAW. Cara penulisan dengan *rasm uthmani* ini tidak sepenuhnya sesuai di antara tulisan dan ucapan, kerana bentuk tulisannya menanggung lebih dari satu macam bacaan, kerana beberapa sebab dan hikmah yang dapat diketahui sebahagiannya dan tertutup sebahagian yang lain dari pengetahuan manusia.

Kaedah-Kaedah *Rasm Uthmani*

Rasm Uthmani yang merupakan model tulisan *Mushaf Uthmani* terdiri dari enam kaedah, yaitu: *al-hazf*, *al-ibdal*, *al-ziadah*, *al-hamz*, *al-wasl wal fasl* dan *ma fihi qiraatani mutawatirani wa kutiba 'ala ihdahuma* (kalimah yang dibaca dengan dua *qiraat mutawatir* dan ditulis salah satu dari keduanya).

Kaedah-kaedah inilah yang membezakan antara *rasm utsmani* dengan *rasm imlaie*. Penjelasannya adalah sebagai berikut:

1. **Kaedah *al-Hazf***, iaitu membuang atau menggugurkan huruf-huruf *hijaiyyah* tertentu dalam struktur kalimah tertentu dalam *al-Quran*. Huruf-huruf tersebut ialah *alif* (ا), *waw* (و), *ya* (ي), *lam* (ل), *nun* (ن).¹⁵

Pembahagian *hazf*:

Hazf dapat dibahagi kepada tiga jenis:

- 1). ***Hazf isyarah***, iaitu *hazf* yang bertujuan menunjukkan bentuk-bentuk *qiraat mutawatirah* tertentu, seperti:

وَأَذِّدْنَا مَوْسَىٰ آرْبَعِينَ لَيْلَةً¹⁶

Ayat ini dibaca dengan membuang *alif* setelah *waw* pada *واعذنا* sebagaimana juga dibaca dengan menetapkannya. Membaca dengan membuang *alif* sebagai isyarat kepada *qiraat hazf* dan membaca dengan menetapkannya adalah mengikut asal, iaitu “*muwa'adah*” (saling berjanji); Allah menjanjikan wahyu kepada Musa dan Musa AS berjanji datang kepada Allah.¹⁷

- 2). ***Hazf ikhtisar***, iaitu *hazf* pembuangan *alif* pada struktur kata jamak *muzakkar salim* dan *jamak muannats salim*, contohnya pada ayat:

سَمِعُونَ لِلْكَذِبِ سَمْعُونَ لِقَوْمٍ آخِرِينَ¹⁸

Dan ayat:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ¹⁹

Semua *jamak muannath salim* dalam ayat ini ditulis dengan membuang *alif*nya.

- 3). ***Hazf iqtisar***, iaitu *hazf* pembatasan yang bermakna *hazf alif* pada kalimah-kalimah tertentu, tanpa melibatkan kalimah-kalimah lainnya, contohnya *hazf alif* pada kalimah “الميعاد”:

وَلَوْ تَوَاعَدْتُمْ لِآخْتِكُمْ فِي الْمِيعَادِ²⁰

Kalimah *الميعاد* ditulis dengan membuang *alif* setelah *'ain*.

¹³ Muhammad Muhammad Salim Muhaisin. 1994 M/1415 H. *Al-Fath al-Rabbani fi 'Alaqah al-Qiraat bi al-Rasm al-Utsmani*. Saudia: Idarah al-Tsaqafah wa al-Nasyr, Jami'ah Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah, hal. 20.

¹⁴ Al-Faramawi, Abd al-Hay Husein. T.t. *Rasm al-Quran wa Naqtuhu*. Kahirah: Maktabah Juhuriyyah, hal. 77.

¹⁵ Al-Dabba', 'Ali bin Muhammad. 1357 H. *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kahirah: Maktabah Abdul Hamid Ahmad Hanafi,

hal 14; Al-Hamidy, Abdul Qadir Umar Usman/Khairul Anwar Muhammad. 1436 H./2015 M. *Muzakkirah Rasm al-Quran wa Dabtihi wa Fawasilih*. Bangi: Darul Syakir Enterprise, hal. 41.

¹⁶ Al-Quran. Al-Baqarah 2: 51.

¹⁷ Ismail, Sya'ban Muhammad. 2001 M./1422 H. *Rasm al-Mushaf wa Dhabtuhu*. Kahirah: Dar al-Salam, hal. 37.

¹⁸ Al-Quran. Al-Maidah 5: 41

¹⁹ Al-Quran. Al-Ahzab 33: 35

²⁰ Al-Quran. Al-Anfal 8: 42.

Hazf alif (ا), waw (و) dan ya (ي):

Hazaf *alif* pada tempat-tempat dan keadaan berikut:

1). *Alif* pada kalimat “*basmalah*”, sama ada lengkap atau tidak, dan *hazf alif* setelah *ya nida*’, seperti:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ مَجْرُودًا²¹

Kecuali pada surah al-‘Alaq:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ²²

يَتْلُوهَا النَّاسُ اعْبُدُوا²³

2). *Hazf waw* (و), ianya berlaku dalam keadaan apabila ia berturut-turut dalam satu kalimat, seperti:

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ²⁴

Kalimat الغاؤون ditulis dengan membuang salah satu *waw* yang ada padanya

3). *Hazf ya* (ي), ianya berlaku dalam keadaan *ya mutakallimin* pada kedudukan *munada*, seperti:

يَقُومُوا لَكُمْ ظَمِئًا أَنفُسِكُمْ يَتَخَذُوا الْعِجْلَ²⁵

Penulisan kalimat ياقومي dengan membuang *ya* setelah *mim*.

4). *Hazf lam*, iaitu pada kalimat-kalimat seperti:

الذي، الذان، الذين، التي، الئ، الليل، واللام في لفظ الجلالة.

5). *Hazf alif* pada kalimat *a'jamiyyah* (أعجمية) seperti : إبراهيم، إسماعيل، إسحاق dan lain-lain.

2. **Kaedah al-Ziyadah:** *Ziyadah* bermaksud menambah huruf-huruf tertentu pada kalimat-kalimat tertentu dalam *al-Quran* mengikut penulisan *Rasm Uthmani*. Huruf tersebut ditulis tetapi tidak dibaca pada semua keadaan. Dalam penulisan mushaf-mushaf *Rasm Utsmani*, huruf-huruf yang *ziyadah* ialah: huruf *Alif* (ا), huruf *waw* (و) dan huruf *ya* (ي).

a. **Ziyadah huruf Alif** pada tempat-tempat berikut:

1). Selepas huruf *waw* ganti nama pada *jama' muzakkar* yang bersambung dengan “*Fi'il Madi*” “*Fi'il Mudhari*” dan “*Fi'il Amar*” yang berada di hujung kalimat, seperti:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً

وَأَقْبُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ²⁶

Pada setiap hujung kalimat-kalimat “*amanu*”, “*ta'kulu*” dan “*wattaqu*” dalam ayat ini ada tambahan *alif*.

2). Tambahan *Alif* pada kalimat seperti:

لَا أَذْبَحْنَهُ²⁷

Pada kalimat “*laazbahannahu*” ada tambahan huruf *alif* setelah *hamzah*.

b. **Ziyadah huruf waw**, seperti:

سَأُورِيكُمْ ءَايَاتِي فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ²⁸

وَلَيْسَ ذَكَرُوا لَوْلَا أَلَّابِيبِ²⁹

Pada kalimat “*saurikum*” ada tambahan huruf *waw* setelah *alif*. Dan juga pada kalimat “*ulu*” ada tambahan huruf *waw* setelah *alif*.

c. **Ziyadah huruf ya**, seperti:

²¹ Al-Quran. Hud 11: 41

²² Al-Quran. Al-‘Alaq 96: 1

²³ Al-Quran. Al-Baqarah 2: 21.

²⁴ Al-Quran. Al-Syu'ara' 26: 224.

²⁵ Al-Quran. Al-Baqarah 2: 54.

²⁶ Al-Quran. Ali 'Imran 3: 130.

²⁷ Al-Quran. Al-Naml 27: 21.

²⁸ Al-Quran Al-Anbiya' 21: 37

²⁹ Al-Quran. Saad 38: 29.

أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ³⁰

وَالسَّمَاءَ بَيْنَهُمَا بِأَيْدِي وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ ﴿٥٧﴾³¹

Pada kalimah “*afain*” ada tambahan huruf *ya* setelah *alif*, sebagaimana pada kalimah “*avydin*” juga ada tambahan huruf *ya*.

3. Kaedah *al-badal* (mengganti).

Di antara kaedah dalam *ilmu rasm uthmani* ada yang disebut *al-badal*, iaitu mengganti huruf dengan huruf yang lain:

a. *Alif diganti dengan waw*

Dalam *ilmu rasm uthmani* terdapat penulisan huruf *alif* diganti dengan huruf *waw* seperti *الصَّلَاةُ* Huruf *waw* pada kalimah *الصَّلَاةُ* menggantikan huruf *alif*. Huruf *waw* yang ditulis itu tidak difungsikan dalam bacaan. Yang dibaca pada tempat huruf *waw* itu adalah bunyi huruf *alif* yang ditulis kecil diletakkan di atas huruf *waw* antara huruf *lam* dan *ta' marbutah*. Kalimah *الصَّلَاةُ* ditulis dengan *waw* untuk menunjukkan kata dasarnya berasal dari *waw*. Begitu juga kalimah-kalimah seperti *الحياة*, *الزكاة*, *الربا* di dalam *Mushaf* dengan *rasam utsmani* ditulis dengan *waw* menggantikan *alif*. Bentuk tulisan kalimah-kalimah ini:

الرَّكُوعَ، الْحَيَاةَ الرَّبَّوَا

b. *Alif ganti ya*

Dalam kaedah *ilmu rasm utsmani* terdapat dalam penulisannya huruf *alif* diganti dengan huruf *ya*, seperti kata *يَتَوَفَّكُم* asalnya *يَا حَسْرَتَا* *يَحْسَرْتَا* asalnya *يَا سَفَا* *يَا سَفَا* asalnya. Asalnya ditulis dengan *alif* diganti dengan *ya*. Pada tempat huruf *ya* dalam kalimah-kalimah ini dibaca dengan bunyi *alif*.

c. *Nun diganti alif*

Dalam *ilmu rasm utsmani* *nun* ditulis *alif* seperti kata *إِنَّا* ditulis *إِنَّا* pada surah *al-Ankabut* (29:38) (إِنَّا لَأَرْثَابَ الْمُظَلُّونَ). Kata *لِنَسْفَعَا* ditulis dengan *alif* sebagai pengganti *nun*.

d. *Ta Marbutah (ة)*

Dalam kaedah *ilmu rasm uthmani* terdapat *ta marbutah* atau *ta bulat* ditulis dengan *ta mabsutah* atau *ta terbuka* (ت) pada kata *شَجَرَاتٍ مُّزْتٍ، جَنَّاتٍ، مَعْصِيَتٍ، لَعْنَتٍ، نِعْمَتٍ، رَحْمَتٍ، بَقِيَّتٍ* dan lain-lain. Kalimah-kalimah yang tersebut ini ditulis dengan *ta* terbuka (ت) apabila didapati padanya dua *qiraat* ketika *waqaf*, iaitu *waqaf* atas *ta* (رحمت) dan *waqaf* atas *ha* (رحمة).³²

4. Kaedah *Hamzah*

Penulisan huruf *hamzah* termasuk masalah yang rumit, kerana bunyinya diajarkan oleh Rasulullah SAW, tetapi tidak ada lambang huruf tersendiri seperti huruf-huruf lainnya. Dalam *Mushaf Rasm Uthmani* penulisan huruf *hamzah* terkadang dirupakan dengan huruf *waw* seperti pada kata *عَلَّمُوا* (bunyi *hamzah* dirupakan dengan huruf *waw*). Oleh sebab itu Khalil bin Ahmad al-Farahidi (w.170 H.) memberikan tanda baca bunyi *hamzah* dengan memberikan lambang kepala huruf ‘*ain* (ء) untuk tanda baca bunyi *hamzah*.

Tanda baca *hamzah* itu terkadang diletakkan diatas huruf *waw* menjadi *عَلَّمُوا*. Terkadang ditulis dengan huruf *alif* seperti: *سَأَلَ*, kemudian diberi tanda baca *hamzah* di atas huruf *alif* menjadi *سَأَلْ* dan terkadang ditulis dengan huruf *ya* seperti: *يُبْدِي*, kemudian diberi tanda baca *hamzah* di atas huruf *ya* menjadi *يُبْدِي*.

Penulisan dan letak *hamzah* akan diterangkan sebagai berikut:

a. *Hamzah mati*

Huruf *hamzah* yang mati ditulis sesuai dengan *harakat* huruf sebelumnya. Sesudah huruf berbaris atas seperti *النَّاسَاءُ* ditulis dengan huruf *alif* dan diletakkan lambang kepala ‘*ain* di atasnya. Sesudah huruf yang berbaris depan ditulis dengan huruf *waw* seperti *أَوْثَمَنَ* dan sesudah huruf berbaris bawah ditulis dengan huruf *ya* seperti *يُبْدِي*.

³⁰ Al-Quran. Ali ‘Imran 3: 144.

³¹ Al-Quran. Al-Zariyaat 51: 47.

³² Ibnu Jazari, Abu al-Khair Muhammad al-Dimasyqi . 1414 H. *Al-Nasyri fi al-Qiraat al-‘Asyr*. Bairut: Dar

Al-Kutub al-Ilmiyyah, juz 2, hal. 128; Ismail, Sya’ban Muhammad. *Rasm al-Mushaf wa Dhabtuhu*, hal. 47.

b. **Hamzah berbaris terletak di awal kata**

Hamzah berbaris terletak di awal kata dan bersambung dengan huruf yang lebih ditulis dengan *alif*, baik *hamzah* itu berbaris di atas atau berbaris di bawah, seperti *سَأَنْزِلُ*, *فِي أَيِّ*, tetapi ada yang masuk dalam pengecualian seperti kata *لَنْ* dan *ءَامَنَ* dan lainnya.

لَنْ أَخْرَجْتَنِي، لِنَلَّا يَكُونُ، أَيْفَكَا، ءَالِهَةً، أَيْدَا كُنَّا تَرَابًا، أَيْنَا، ءَامَنَ.

c. **Hamzah berbaris terletak di tengah**

Apabila huruf *hamzah* berbaris dan terletak di tengah maka ditulis sesuai dengan jenis baris *hamzah*nya seperti: *سَأَلْ*, *سُئِلَ*, *تَقَرُّوْهُ*, tetapi ada yang dikecualikan, seperti: *سَوَّءَةً*, *يَسْعَمُونَ*, *سَطَطَهُو*, *الْفُرَّاءَانُ*.

d. **Hamzah terletak di akhir**

Apabila huruf *hamzah* terletak di akhir ditulis dengan huruf sejenis dengan baris huruf sebelumnya. Kalau sebelumnya huruf berbaris depan ditulis dengan huruf *waw* dan *hamzah* diletakkan di atas huruf *waw*; kalau huruf sebelumnya berbaris di bawah ditulis dengan *ya* dan *hamzah* diletakkan di atas huruf *ya*; kalau sebelumnya huruf berbaris di atas maka ditulis dengan huruf *alif* dan *hamzah* diletakkan di atas huruf *alif*, seperti: *نَشَأُ*, *سَطَطِي*, *لَوْلُوْ*.

e. **Hamzah terletak di akhir dan sebelumnya huruf mati**

Apabila huruf *hamzah* terletak di akhir dan sebelumnya baris mati ditulis tersendiri seperti *مِلْءُ*, *الْمَرْءِ*, *الْخَبَاءِ*, tetapi ada yang dikecualikan seperti: *تَبَوَّأُ*, *لَتَبَوَّأُ* *hamzah* diletakkan di atas *alif* bukan tersendiri sesudah *alif*.³³

5. **Kaedah Al-Wasl Wa Al-Fasl (menyambung dan memisah)**

Al-Wasl (الوصل) atau disebut juga sebagai *al-mausul* (الموصول) ialah menulis sesuatu kalimah serta menyambungkan dengan kalimah yang selepasnya, dan *al-fasl* atau disebut juga sebagai *al-maqtu'* (المقطوع) pula ialah menulis sesuatu kalimah serta memisahkan dengan kalimah yang selepasnya. Dua istilah tersebut adalah merupakan salah satu dari kaedah penulisan *Rasm Uthmani*. Kaedah penulisan ini hanya berlaku pada beberapa kalimah yang tertentu sahaja dalam *Mushaf-mushaf Uthmani*. Secara keseluruhannya *al-wasl* dan *al-fasl* yang terdapat dalam *mushaf-mushaf utsmani* adalah sebagai berikut:³⁴

a. **'Ya al-nida'** (ياء النداء).

Dalam semua *Mushaf Utsmani* ya *al-nida'* ditulis bersambung dengan kalimah selepasnya,³⁵ seperti:

يَكَادِمُ أَسْكُنُ أَنْتَ وَرَوْجِكَ³⁶

b. **Kata dan**

Kata *من* ditulis bersambung dengan *من* menjadi *مِنَّمِن* dalam semua *Mushaf Utsmani* seperti:³⁷

مِمَّنْ مَنَّعَ مَسَلِحَةَ اللَّهِ

c. **Kata dan**

Kata *أنا* ditulis bersambung dengan *أنا* menjadi *أَنَّمَا* seperti

أَنَّمَا عَلَيَّ رَسُولِنَا الْبَلِغُ الْمُبِينُ³⁸

Dan ditulis dengan memisahkan di antara keduanya dalam *surah al-Hajj* (22:62) dan *surah Luqman* (31:30) ((وَأَنْ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ)).

d. **Kata dan**

Kata *ما* ditulis terpisah dari *ما* dan didapati pada dua tempat sahaja dalam *Mushaf Utsmani* iaitu:

³³ Al-Dani, Ubu 'Amru 'Usman bi Sa'id. 1418 H./1997. *Al-Muhkam fi Naqti Al-Masahif*. Bairut: Dar Al-Fikri, hal. 150.

³⁴ Azzah binti Hasyim Muiny. T.t. *Al-Muqaddimah Fima Yajibu 'Ala Qari'ie al-Quran An Ya'lamahu*, Karya Ibn al-Jazari. Daurah Tadribyyah 'Ilmiyyah, hal. 55-63.

³⁵ Al-Zarqani, Muhammad Abdul 'Azhim. T.t. *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Kahirah: Maba'ah 'Isa al-Halabi, juz. 1, hal. 369.

³⁶ Al-Quran. Al-Baqarah 2: 35.

³⁷ Al-Dani, Abu 'Amr 'Usman bi Sa'id. T.t. *Al-Muqni' fi Rasm Masahif Al-Amsar*. Tahqiq: Muhammad al-Sodiq Qamhawi. Kahirah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, hal. 74.

³⁸ Al-Quran. Al-Maidah 5: 92.

وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ
سَطْرَهُ³⁹

وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ
سَطْرَهُ⁴⁰

- e. Kata **لَا** dan **أَنْ**
Kata **لَا** ditulis bersambung dengan kata **أَنْ** menjadi **لَا**, kecuali di sepuluh tempat cara penulisannya dipisah antara huruf **لَا** dengan huruf **أَنْ** di antaranya: **لَا تَعْبُدُوا** (أن لا تعبدوا لا تغفوا على الله⁴¹
- f. Kata **مِنْ** dan **مَا**
Kata **مِنْ** disambung dengan **مَا** ditulis **مِمَّا** (مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ) dalam *surah al-Nisa'* (4:25); **وَمِنْ مَا رَزَقْنَكُمْ** (مِنْ مَا رَزَقْنَكُمْ) dalam *surah al-Rum* (63:10) dan dalam *surah al-Munafiqun* (مِنْ مَا رَزَقْنَكُمْ) dipisah **مِنْ** dengan **مَا**.⁴²
- g. Kata **عَنْ** dan **مَا**
Kata **عَنْ** ditulis bersambung dengan **مَا** menjadi **عَمَّا**, kecuali **عَنْ مَا نُهَوَّا عَنْهُ** *surah al-A'raf* (7:166) tulisannya dipisah.⁴³
- h. Kata **عَنْ** dan **مَنْ**
Kata **عَنْ** dan **مَنْ** didapati pada dua tempat dalam *Mushaf* dan ditulis secara terpisah, iaitu dalam *surah al-Nur* (24:43) ((وَيُصْرِفُهُ عَنْ مَنْ يَشَاءُ)) dan *surah al-Najm* (53:29) ((عَنْ مَنْ تَوَلَّى)).
- i. Kata **إِنْ** dan **مَا**
Kata **إِنْ** ditulis bersambung dengan **مَا** menjadi **إِمَّا** kecuali **إِنْ مَا نُرِيدُكَ** *surah al-Ra'd* (13:40) penulisannya dipisah.⁴⁴
- j. Kata **إِنْ** dan **لَمْ**⁴⁵
Kata **إِنْ** dan **لَمْ** ditulis bersambung dalam *surah Hud* (11:14)

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا لَكُمْ

Dan ditulis secara terpisah dalam *surah al-Qasas* (28:50)

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا لَكَ

- J. Kata **أَنْ** dan **لَنْ**
Kata **أَنْ** dan **لَنْ** ditulis secara bersambung menjadi **لَنْ** dalam *surah al-Kahf* (18:48) ((لَنْ نَجْعَلَ لَكُمْ مَوْعِدًا)) dan *surah al-Qiyamah* (75:3) ((لَنْ نَجْمَعَهُمْ)). Selain dari pada itu ditulis secara terpisah seperti dalam *surah al-Muzzammil* (73:20) ((أَنْ لَنْ تُخْصَوهُ)).⁴⁶
- k. Kata **أَمْ** dan **مَنْ**
Kata **أَمْ** dan **مَنْ** ditulis secara bersambung menjadi **أَمَنْ** seperti dalam *surah al-Mulk* (67:21) ((أَمَنْ هَذَا الَّذِي يَزُفُّكُمْ)) dan lainnya, kecuali pada empat *surah* ditulis secara terpisah, iaitu: *surah al-Nisa'* (4:109) ((أَمْ مَنْ يَكُونُ عَلَيْهِمْ وَكِيلًا)), *surah al-Taubah* (9:109) ((أَمْ مَنْ أَسْسَنَ)), *surah al-Saffat* (37:11) ((أَمْ مَنْ خَلَقْنَا)) dan *surah Fussilat* (41:40) ((أَمْ مَنْ يَأْتِي)).
- l. Kata **إِنْ** dan **مَا**
Kata **إِنْ** dan **مَا** ditulis secara bersambung dalam semua *Mushaf* menjadi **إِنَّمَا** kecuali pada satu ayat dalam *surah al-An'am* (6:134) ((إِنَّمَا تُوْعَدُونَ لَاتٍ)).
- m. Kata **بِئْسَ** dan **مَا**
Kata **بِئْسَ** dan **مَا** ditulis secara bersambung di ketiga tempat dalam *Mushaf*, iaitu *surah al-Baqarah* (2:90) ((بِئْسَمَا اسْتَرَوْا بِهِ)), (2:93) ((بِئْسَمَا يَأْمُرُكُمْ بِهِ)) dan *surah al-A'raf* (7:150) ((بِئْسَمَا خَلَقْتُمُونِي)).⁴⁷
- n. Kata **كُلٌّ** dan **مَا**
Kata **كُلٌّ** ada yang disambung dengan **مَا** menjadi **كُلَّمَا** seperti: **كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ كَلَّمَا** seperti: **كُلٌّ مَا رُدُّوا مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ**. Kata-kata **رُبَّمَا**, **كَلَّمَا**, **وَيَكُنَّ** disambung.⁴⁸
- o. Kata **فِي** dan **مَا**

³⁹ Al-Quran. Al-Baqarah 2:144

⁴⁰ Al-Quran. Al-Baqarah 2:150

⁴¹ Al-Dani, Abu 'Amr 'Usman bi Sa'id. *Al-Muqni' fi Rasm Masahif Al-Amsar*, hal. 77.

⁴² *Ibid.* hal. 74.

⁴³ Al-Zarqani, Muhammad Abdul 'Azhim. T.t. *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*, juz 1, hal. 372.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Al-Dani, Abu 'Amr 'Usman bi Sa'id. *Al-Muqni' fi Rasm Masahif Al-Amsar*, hal. 75.

⁴⁶ Al-Dani, Abu 'Amr 'Usman bi Sa'id. *Al-Muqni' fi Rasm Masahif Al-Amsar*, hal. 76.

⁴⁷ *Ibid.* hal. 79.

⁴⁸ Al-Zarqani, Muhammad Abdul 'Azhim. T.t. *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*, juz 1, hal. 372.

Kata *فِي* dan *مَا* ditulis secara terpisah antara kedua kata ini (*فِي مَا*) di semua tempat dalam *Mushaf* dan ada yang menulisnya secara bersambung (*فِيْمَا*), dan perkara ini tidak dipertikakan.⁴⁹

Kaedah Dua *Qiraat* (bacaan)

Suatu kalimah (kosakata) yang dibaca dengan dua *qiraat* atau lebih, sekiranya *qiraat* yang berbeda itu dapat ditampung oleh satu bentuk *rasm* (tulisan), ianya ditulis dalam semua *Mushaf Utsmani* dengan satu macam bentuk *rasm*, seperti "ملك" dalam *surah al-Fatihah* *يوم الدين* dibaca dengan memanjangkan "mim" dan memendekkannya. Kedua *qiraat* ini *mutawatir* dan dapat ditampung oleh bentuk tulisan *ملك* karena pada masa itu *al-Quran* belum lagi bertitik dan tidak berbaris. Contoh yang lain *فتبينوا*. Kalimah ini dibaca juga dengan *فتبينوا* dan bentuk tulisannya dapat menampung kedua *qiraat* tersebut dalam keadaan tidak bertitik.

Tetapi sekiranya dua *qiraat* atau lebih tidak dapat ditampung oleh satu bentuk *rasm* (tulisan), maka pada sebagian *mushaf* ditulis dengan satu bentuk *rasm* dan dalam *mushaf* lainnya ditulis dengan bentuk *rasm* yang lain. Sebagai contoh *qiraat* *سَارِعُوا*; *وَصَى* dan *أَوْصَى* dan *وَسَارِعُوا*. Kedua *qiraat* ini tidak dapat ditampung oleh satu bentuk *rasm*, maka pada sebagian *Mushaf Utsmani* ditulis *وَصَى* dan *أَوْصَى* pada sebahagian lainnya ditulis *وَصَى*. Kemudian *Mushaf* yang ditulis *أَوْصَى* dikirim ke negeri di mana penduduknya membaca demikian. Dan negeri yang penduduknya membaca *وَصَى* dikirim *Mushaf* ditulis *وَصَى*.⁵⁰

Apakah *Rasm Utsmani Tawqifi* Berdasarkan Wahyu Atau Hasil Ijtihad Para Sahabat?

Persoalah *Rasm Uthmani* telah menimbulkan perbedaan pendapat di antara para ulama. Jumbuh ulama berpendapat ianya *tawqifi* (berdasarkan wahyu) yang diterima dari Rasulullah SAW melalui para sahabat RA, di mana Rasulullah SAW menyuruh mereka menulisnya dan mengesahkan penulisan

mereka itu. Mengikuti golongan ini tulisan *al-Quran* tidak boleh dirubah dan haram menyalahinya. Kedudukannya dalam hal itu seperti kedudukan susunan surah-surah dan ayat-ayat *al-Quran*. Kita tidak dibenarkan menukar susunannya sedikitpun dari susunan yang sedia ada. Mereka berpegang pada dalil-dali sebagai berikut:

1. Dalil dari *al-Quran*

Dalam *surah Yunus* (10:64) Allah SWT tidak memberikan peluang untuk merubah penulisan *mushaf* yang telah ditulis oleh sahabat Rasulullah, iaitu dalam firman Allah:

لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ⁵¹

Imam al-Baghawi (w. 516 H.) menafsirkan *لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ* dengan *لا تغيير لقوله*. Jadi kata yang bererti "firman-Nya" mencakupi tulisan dan bacaan yang tidak boleh dirubah. Ayat ini tegas menyebutkan bahawa kalimat Allah tidak dapat diganti dengan kata yang lain.

Dalam *surah al-An'am* (6:115) Allah tidak memberi peluang kepada siapapun untuk merubah penulisan *Mushaf Utsmani* sebagai yang tersebut dalam firman-Nya:

لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ⁵²

Imam al-Tabari (w.310 H.) di dalam Tafsirnya mengatakan: "Yang dimaksud dengan *كلماته* disini ialah *ما أنزل الله على رسوله صلى الله عليه وسلم* (kalimat yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW).⁵⁴ Jadi tulisan *Rasm Uthmani* termasuk dalam cakupan kalimat "ما أنزل الله" yang bererti semua yang diturunkan oleh Allah. Oleh sebab itu ianya tidak boleh ditukar dan dirubah.

⁴⁹ Azzah binti Hasyim Muiny. *Al-Muqaddimah Fima Yajibu 'Ala Qari'ie al-Quran An Ya'lamahu*, Karya Ibn al-Jazari, hal. 57.

⁵⁰ Abu Shuhbah, Muhammad bin Muhammad. 1423 H./2003 M.. *Al-Madkhal Li Dirasah 'Ulum Al-Quran*, hal. 280-281.

⁵¹ Al-Quran. Yunus 10: 64

⁵² Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husein bin Mas'ud bin Muhammad bin al-Farra'. Tt. *M'alimu al-Tanzil*. Juz 1, hal. 140.

⁵³ Al-Quran. Al-An'am 6: 115

⁵⁴ Al-Tabari, Muhammad bin Jarir, *Jami'u al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, juz 5, hal. 182.

2. Rasulullah SAW dengan penuh keinginan mendokumentasikan teks al-Quran dari dua sisi, yaitu:

Sisi pertama: Hafazan:

Rasulullah SAW sendiri hafaz setiap ayat yang diwahyukan kepadanya, kemudian membacanya kepada para sahabat dan menyuruh mereka menghafaznya.

Sisi kedua: Tulisan:

Rasulullah SAW mempunyai juru tulis yang bertugas mencatat wahyu yang diturunkan kepadanya. Kemudian Baginda memeriksa hasil penulisan mereka, sehingga bila mana ada kesalahan baginda meminta mereka membetulkannya.

Dari Zaid bin Thabit RA ujarnya: “Aku menulis wahyu di sisi Rasulullah SAW Beliau membacakan kepadaku. Maka apabila selesai menulisnya, Rasulullah SAW bersabda: “Bacalah”, lalu akupun membacanya. Maka apabila ada yang tersalah, beliau membetulkannya. Selepas itu barulah disiarkan kepada orang ramai”.⁵⁵

Dari Ibnu Abbas RA ujarnya: “Adalah Rasulullah SAW dalam masa-masa yang dilaluinya telah turun kepadanya surah-surah (al-Quran) yang banyak. Adalah Rasulullah SAW apabila diturunkan kepadanya sesuatu dari al-Quran, beliau memanggil sebahagian juru tulisnya, seraya bersabda: “Letakkanlah ayat-ayat ini dalam surah di mana tersebut ini dan ini. Apabila turun kepadanya suatu ayat, baginda bersabda: “Letakkanlah ayat ini dalam surah yang padanya tersebut ini dan ini”.⁵⁶

Dalam masa hidup Rasulullah SAW al-Quran telah ditulis semuanya dalam bentuk seperti disebutkan, hanya sahaja ianya belum

terkumpul dalam sebuah *mushaf*. Rasulullah SAW membimbing para sahabat cara-cara menulis yang prima berdasarkan wahyu yang dibawa malaikat Jibril AS kepadanya. Dalam satu riwayat Rasulullah SAW telah bersabda kepada Mu'awiyah:

أَلَيْكَ الدَّوَاةُ، وَحَرَفَ الْقَلَمَ، وَأَنْصَبَ الْبَاءَ، وَفَرَّقَ السَّيْنَيْنِ، وَلَا تُعَوِّرِ الْمِيمَ، وَحَسِّنِ اللَّهُ، وَمَدِّ الرَّحْمَنَ، وَجَوِّدِ الرَّحِيمَ، وَضَعْ قَلَمَكَ عَلَى أُذُنِكَ الْيَسْرَ، فَإِنَّهُ أَذْكَرُ لَكَ.

“Gunakan dakwat, tajamkan pena, sempurnakan penulisan huruf ba’, pisahkan penulisan huruf sin, sempurnakan bulatan pada penulisan huruf mim, perindahkan kalimah Allah, panjangkan sebutan al-Rahmaan, dan baguskan penulisan al-Rahiim, letakkan pena kamu di atas telinga kirimu, maka sesungguhnya ia akan lebih mengingatkan kamu”.⁵⁷

Al-Qadhi ‘Iyadh setelah menyebut hadits ini mengatakan: “Hadits ini, meskipun belum dipastikan kesahihannya bahawa Rasulullah SAW telah tahu menulis, maka tidak dikesampingkan baginda dianugerahkan ilmu membimbing ini dan ditahan ilmu membaca dan menulis”.⁵⁸

3. Amalan para sahabat:

Dalil ketiga yang menunjukkan *rasm utsmani tawqifi* bukan *ijtihadi* adalah amalan para sahabat RA. Ketika Abu Bakar memegang jawatan khalifah, ia mengumpulkan *al-Quran* pada masanya dalam sebuah *suhuf* yang ditulis dalam bentuk tulisan sebagaimana yang ditulis di hadapan Rasulullah SAW. Kemudian ketika Uthman memegang tampuk pemerintahan Islam, beliau menyuruh menyalin beberapa *mushaf* dari *Suhuf* Abu Bakar dengan bentuk tulisan yang sama.⁵⁹

Rasulullah SAW telah mengajak umat agar mengikuti *Khulafaurrasyidin* (khalifah yang empat:

⁵⁵ Al-Tabarani, Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub. T.t. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Tahqiq: Hamdi Abdul Majid Salafi. Kahirah: Maktabah Ibnu Taymiyyah, juz 5, hal. 142, hadis No. 4889.

⁵⁶ Al-Tarmizy, Muhammad bin ‘Isa bin Surah. 1395 H./1975 M. *Sunan al-Tarmizy*. Tahqiq: Ahmad Muhammad syakir. Misr: Mustafa al-Halabi, juz 5, hal. 272, hadis No. 3086.

⁵⁷ Abu Syuhbah, Muhammad bin Muhammad. *Al-Madkhal Li Dirasat al-Quran*, hal. 343.

⁵⁸ Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr. 1427 H./2006 M. *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*. Bairut: Muassasah al-Risalah, juz 16 hal. 375; Al-Qadhi ‘Iyadh. 1409 H. 1988 M. *Al-Syifa bi Ta'rif Huququ al-Mustafa*. Bairut: Dar al-Fikri, juz1, hal. 702-703.

⁵⁹ Ismail, Sya'ban Muhammad. *Rasm al-Mushaf wa Dhabtuhu*, hal. 66

Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali) dan berpegang teguh dengan amalan mereka. Sabda baginda:

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّبِينَ مِنْ بَعْدِي.⁶⁰

Hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah al-Khulafa' al-Rasyidin al-Mahdiyyin sesudahku". (HR. Abu Daud, al-Tarmizi, Ibnu Majah dan Ahmad).

4. Ijma'

Sebagaimana diketahui bahawa *al-Quran* telah ditulis semula dan dikumpulkan pada masa Abu Bakar RA dalam sebuah *Suhuf*. Kemudian dari *Suhuf* ini khalifah Uthman RA menyalin beberapa *mushaf* dan mengirimmnya ke kota-kota besar Islam. Para sahabat menerima *Mushaf-mushaf Utsmani* dengan segala senang hati dan tiada protes dari seorangpun dari mereka. Mereka semuanya pada masa itu berjumlah dua belas ribu orang. Maka yang demikian itu merupakan *ijma'* dari mereka atas betulnya amalan Utsman dan tidak harus menyalahinya. Seterusnya diikuti oleh para *tabi'in*, *tabi'it tabi'in* dan *jama'ah qurra* sepanjang masa.⁶¹

Seseorang pernah bertanya kepada Imam Malik RA: "Bagaimana pendapat Tuan seseorang minta ditulis *mushaf* pada masa sekarang, apakah *mushaf* itu ditulis dengan ejaan sekarang?" Berkata Malik: "Aku tidak berpendapat demikian, akan tetapi mengikut penulisan pertama"⁶². Yakni penulisan semasa turunnya wahyu. Berkata Abu Amr setelah menukil perkataan Malik: "Tak seorang pun dari ulama menyalahi Malik dalam hal ini."⁶³

Imam Ahmad mengatakan: "Haram hukumnya menyalahi *khat* (tulisan) *mushaf utsmani* pada *waw* atau *ya* atau *alif* atau selainnya".⁶⁴ Al-Qadhi 'Iyadh menegaskan: "Para ulama telah *ijma'*

bahawa *al-Quran* yang dibaca di seluruh pelosok bumi, yang tertulis di dalam *mushaf* dengan tangan orang-orang Islam iaitu yang terkumpul di antara dua kulit buku dari ((الحمد لله رب العالمين)) sehingga ((قل أعوذ برب الناس)) bahawa ianya kalam Allah dan wahyunya yang diturunkan kepada NabiNya Muhammad SAW. Semua yang terdapat di dalamnya benar. Orang yang dengan sengaja mengurangkan satu huruf dari padanya, atau menggantikannya dengan huruf lain di tempatnya, atau menambah satu huruf yang tidak dicakupi oleh *mushaf* yang telah disepakati oleh para ulama secara *ijma'*. Orang yang mengurangi atau menambah satu huruf dari dan kepada *al-Quran* secara sengaja, adalah kafir".⁶⁵

Al-Ja'bari dan lainnya menukilkan *ijma'* Imam-imam mazhab yang empat atas wajibnya mengikuti *rasm utsmani* dalam menulis *mushaf*.⁶⁶ Dalam Syarah *al-Tahawi* disebutkan: "Patut bagi orang yang berkeinginan menulis *al-Quran* menyusun kata-katanya sebagai dalam *Mushaf Utsmani* kerana *ijma'* ulama atas yang demikian".⁶⁷

Berkata al-Zamakhshari di dalam Tafsirnya *al-Kasysyaf* sewaktu menafsir firman Allah:

وَقَالُوا مَا لَ هَذَا الرَّسُولِ⁶⁸

"Lam terletak dalam *Mushaf* terpisah dari " هذا" terkeluar dari kebiasaan tulisan Arab dan tulisan *Mushaf* merupakan *sunnah* yang tak berobah".⁶⁹

Di dalam kitab *Syu'ab al-Iman* Imam Al-Baihaqi menulis: "Barang siapa menulis *Mushaf*, maka patut ia menjaga huruf-huruf ejaan yang dengannya ditulis *mushaf-mushaf Utsmani*, tidak menyalahinya dan tidak merubah sedikit pun dari padanya, kerana mereka (para sahabat) lebih banyak ilmunya, lebih benar hati dan lidahnya, lebih

⁶⁰ Al-Sijistani, Abu Daud Sulaiman. Tt. *Sunan Abi Daud*, bab fi Luzumi al-Sunnah. Bairut: Al-Matabah al-'Asriyyah, juz 4, hal. 200, hadis No.4607; Al-Tarmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa.1998. *Sunan al-Tarmizi*, bab ma jaa fi al-Akhzi bi al-Sunnah wajtinabi al-Bid'ah. Bairut: Dar al-Gharb al-Islami, juz 4, hal. 341, hadis No.2676; Ibnu Majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yaziz. 1430. *Sunan Ibnu Majah*, bab Ittiba' Sunnah al-Khulafa al-Rasyidin al-Mahdiyyin, hadis No.42 ; Ahmad bin Hanbal. *al-Musnad*, juz 4 hal. 126, hadis No. 17144.

⁶¹ Ismail, Sya'ban Muhammad. *Rasm al-Mushaf wa Dhabtuhu*, hal. 67

⁶² Al-Dani, Abu 'Amru Ustman bin Sa'id. *Al-Muqni'*, hal 4.

⁶³ I b I d .

⁶⁴ Al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*, juz 4, hal. 169.

⁶⁵ Al-Qadhi 'Iyadh, *Al-Syifa' bi Ta'rif Huququ al-Mustafa*, juz 2 hal. 305.

⁶⁶ Al-Dhabba', 'Ali Muhammad. T.t. *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dhabt al-Kitab al-Mubin*, hal. 19.

⁶⁷ *Ibid.* hal. 20.

⁶⁸ Al-Quran. Al-Furqan 25: 7.

⁶⁹ Al-Zamakhshari, Jarullah Abu al-Qasim Mahmud bin Umar. 1953. *Al-Kasysyaf*. Kahirah: Al-Maktabah Al-Tijariyyah al-Kubra, juz 3, hal. 82.

amanahnya dari kita, maka tidaklah patut kita menyangka diri kita sebagai pengoreksi mereka”.⁷⁰

Golongan ulama yang lain berpendapat bahawa *Rasm Uthmani* adalah hasil ijtihad para sahabat RA, kerana itu tidak ada halangan menyalahinya dan menyalin *al-Quran* dengan cara-cara moden demi mencapai kemaslahatan umum bagi orang-orang Islam.

Di antara penyokong mazhab ini, ialah Abu Bakr al-Baqillani (338-402 H.), Ibnu Khaldun (732-808 H.) dan kebanyakan ulama-ulama kontemporer.⁷¹ Mereka berhujjah dengan mengatakan tidak ada dalil yang menunjukkan bahawa *Rasm Uthmani* berlandaskan wahyu (*tawqifi*) baik dalil dari *al-Quran* atau pun dari *al-Sunnah*. Kerana itu tidak ada halangan menulis *al-Quran* dengan *rasm* lainnya.

Abu Bakr Al-Baqillani mengatakan: “Allah tidak mewajibkan ke atas umat ini mengikuti tulisan tertentu dan meninggalkan tulisan yang lain. Kewajiban seumpama ini hanya diketahui melalui pendengaran dan wahyu. Tidak ada dalam teks-teks *al-Quran* dan *mafhumnya* yang mewajibkan tulisan tertentu. Juga tidak terdapat *al-Sunnah*, *ijma'* dan *qiyas* yang mewajibkannya, bahkan *al-Sunnah* meunjukkan harus menulis *al-Quran* dengan tulisan apa saja yang mudah. Rasulullah SAW hanya menyuruh kita menulisnya tanpa menerangkan tulisan tertentu. Juga Rasulullah SAW tidak melarang seseorang menulisnya. Kerana itu bermacam-macamlah bentuk tulisan, sebahagian orang menulisnya mengikut *makhraj lafaz*, sebahagian yang lain menambah dan mengurangi pada tulisan, kerana ia mengetahui bahawa *rasm* itu istilah, bukan *tawqifi*. Semua orang mengetahuinya. Kerana itu pula harus hukumnya menulis *al-Quran* dengan huruf-huruf *Kaufi* dan dengan bentuk tulisan pada masa awal Islam; harus hukumnya menulis lam seperti bentuk *kaf*, melengkungkan *alif* dan bentuk tulisan lainnya. Harus hukumnya menulis *mushaf* dengan tulisan dan ejaan lama; harus hukumnya menulisnya dengan tulisan dan ejaan baru dan harus hukumnya menggabungkan di antara keduanya”.⁷²

Ibnu Khaldun di dalam “*Muqaddimah*” mengatakan: “Lihatlah olehmu apa yang terjadi

kerana tulisan mereka belum bagus, bahkan belum sampai ke tingkat pertengahan, *mushaf* yang mereka tulis dengan tulisan mereka, tulisan mereka itu bukan tulisan yang bagus, maka banyak tulisan mereka yang menyalahi tulisan yang dikehendaki oleh ahlinya. Kemudian para *tabi'in* dari ulama *salaf* mengikuti tulisan mereka untuk mengambil berkat dengan tulisan yang ditulis oleh sahabat Rasulullah SAW yang mereka itu sebaik-baik makhluk sesudahnya. Mereka menerima wahyu yang disampaikan berupa *Kitabullah* dan *Sunnahnya*”. Sebagaimana tulisan masa sahabat ini diikuti, begitu juga diikuti tulisan wali dan orang alim untuk mengambil berkat, benar salah pun diikuti. Di mana penisbahan tulisan itu kepada para sahabat? Lalu tulisan itu diikuti dan ditetapkan (dicantumkan dalam tulisan *mushaf*). Para ulama telah mengingatkan tentang tulisan itu pada tempat-tempatnya dan engkau berpaling kepada tulisan yang disangka oleh sebahagian orang-orang bodoh mereka mengaku pandai dan bagus bentuk rupa tulisan”.⁷³

Dari pernyataan Ibnu Khaldun di atas dapat difahami mengapa Ibnu Khaldun menolak mengikuti tulisan *rasm utsmani* yang ditulis oleh para sahabat Rasulullah SAW. Menurut dia tulisan para sahabat itu belum sampai ke batas yang maksimal, bahkan ke batas pertengahan pun belum sampai.

Kelihatannya dalam ungkapan tersebut Ibnu Khaldun membandingkan tulisan pada masanya dengan tulisan pada masa sahabat Rasulullah SAW iaitu *mushaf* yang ditulis dengan *rasm utsmani* yang terdapat di dalamnya membuang *alif* seperti pada kata *بأئيد* dan lebih huruf *ya* seperti pada kata *بأئيد*. Seakan-akan Ibnu Khaldun hanya melihat kenyataan perbezaan tulisan pada masanya iaitu *rasm imlaie* dengan *rasm utsmani* dan tidak melihat latar belakang mengapa penulisan ayat tersebut demikian dengan membuang *alif*, lebih huruf *ya* dan sebagainya.

Mazhab ketiga:

Golongan ini mengatakan: harus menulis *mushaf* dengan *rasm* moden bagi orang awam mengikut kaedah-kaedah tulisan semasa, serta mengekalkan *rasm utsmani* dalam menulis *mushaf* bagi para ulama dan golongan elit sebagai memorial yang dipelihara oleh generasi yang silih berganti. Di antara ulama

⁷⁰ Al-Baihaqi, Ahmad bin Husein bin Ali. 1410. *Syu'ab al-Iman*. Fasl fi Tanwir Mawdi' al-Quran, Bairut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah, juz 2 hal. 548.

⁷¹ Ibnu Khaldun, Abd al-Rahman Abu Zaid. 1957. *Tarikh Ibnu Khaldun al-Musamma al-'Ibar wa Diwan al-Mubtada wa al-Khabar*. Bairut: Dar al-Kitab al-Lubnani, juz 1, hal. 757; Al-Zarqani,

Muhammad Abd al-'Azdim. 1943. *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Kahirah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, juz 1, hal. 373.

⁷² *Ibid.*, juz 1, hal. 373.

⁷³ Ibnu Khaldun, Abd al-Rahman. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*, hal. 330.

yang menyokong mazhab ini Syeikh Izzu el-Din ibn Abd al-Salam (577-660 H.) dan Badru al-Din al-Zarkasyi (745-794 H.).⁷⁴

Kesimpulan

Al-Quran telah ditulis pada masa Nabi SAW. Setiap turunnya ayat kepada Nabi SAW, Baginda memanggil penulis wahyu untuk mencatatnya. Rasulullah SAW wafat setelah *al-Quran* selesai semuanya diturunkan dan semuanya ditulis dan disimpan di rumah Nabi SAW tanpa berurutan ayat-ayat dan surah-surahnya.

Pada masa khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA, *al-Quran* disalin pada sebuah *Mushaf* yang tersusun ayat-ayatnya, tidak surah-surahnya dan disimpan di rumah Abu Bakar RA selama hidupnya. Kemudian di rumah Umar bin Khattab RA selama hidupnya. Kemudian di rumah Hafsa binti Umar janda Rasulullah SAW.

Pada masa khalifah Uthman bin Affan RA, *al-Quran* disalin pada beberapa buah *Mushaf* yang sama bentuk tulisannya. Kemudian dikirim ke beberapa kota besar Islam bersama-sama dengan *muqri'* masing-masing.

Rasm Uthmani sebenarnya adalah *rasm* penulisan *Suhuf* Abu Bakar dan penulisan *al-Quran* pada zaman Rasulullah SAW. Cara penulisan dengan *rasm uthmani* tidak sepenuhnya sesuai di antara tulisan dan ucapan, kerana bentuk tulisannya menanggung lebih dari satu macam bacaan, kerana beberapa sebab dan hikmah yang dapat diketahui sebahagiannya dan tertutup sebahagian yang lain dari pengetahuan manusia.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Abu Shuhbah, Muhammad bin Muhammad. (1423 H./2003 M). *Al-Madkhal Li Dirasah 'Ulum Al-Quran*. Kahirah: Maktabah al-Sunnah.
- [2] Al-'Aini, Badruddin Abu Muhammad. (t.t.) *'Umdah al-Qari' Syarh Soho al-Bukhari*. Bairut: Dar Ihya al-Turats al-'Arabi.
- [3] Al-'Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. (1379 H). *Fathu al-Bari Syarh Sohih al-Bukhari*. Bairut: Dar al-Ma'rifah.

- [4] Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husein bin Mas'ud bin Muhammad bin al-Farra' (1420H). *M'alimu al-Tanzil fi Tafsir al-Quran*. Tahqiq: Abdul Razzaq al-Mahdi. Bairut: Dar Ihya' al-Turats al-'Arabi.
- [5] Al-Baihaqi, Ahmad bin Husein bin Ali. (1410H). *Syu'ab al-Iman*. Fasl fi Tanwir Mawdi' al-Quran, Bairut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- [6] Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah. (1422H). *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhammad Zuhair bi Nasir. Bairut: Dar Tawq al-Najah.
- [7] Al-Dabba', Ali bin Muhammad. (1357H). *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kahirah: Maktabah Abdul Hamid Ahmad Hanafi.
- [8] Al-Dani, Abu 'Amru 'Usman bi Sa'id. (t.t.). *Al-Muqni' fi Rasm Masahif Al-Amsar*. Tahqiq: Muhammad al-Sodiq Qamhawi. Kahirah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- [9] Al-Dani, Abu 'Amru 'Usman bi Sa'id. (1418H./1997). *Al-Muhkam fi Naqti Al-Masahif*. Bairut: Dar Al-Fikri.
- [10] Al-Faramawi, Abd al-Hay Husein. (t.t.). *Rasm al-Quran wa Naqtuhu*. Kahirah: Maktabah Juhuriyyah.
- [11] Al-Hamidy, Abdul Qadir Umar Usman/Khairul Anwar Muhammad. (1436H/2015M). *Muzakkirah Rasm al-Quran wa Dabtihi wa Fawasilih*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- [12] Al-Naisaburi, Muslim ibn Hajjaj. (t.t.). *Sohih Muslim*. Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi. Bairut: Dar Ihya al-Turats al-'Arabi.
- [13] Al-Qadhi 'Iyadh Abu al-Fadhal. (1409H/1988M). *Al-Syifa bi Ta'rif Huququ al-Mustafa*. Bairut: Dar al-Fikri,
- [14] Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr. (1427H/2006M). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*. Bairut: Muassasah al-Risalah.

⁷⁴ Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Abdullah bin Bahadir. T.t. *Al-Burhan Fi 'Ulum al-Quran*.

Kahirah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, juz 1, hal. 379.

- [15] Al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman. (1394H/1974M). *Al-Itqan fi 'Ulum Al-Quran*. Tahqiq: Muhammad Abu Fadl Ibrahim. Kahirah: Al-Haiah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- [16] Al-Tabarani, Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub. (t.t.). *Al-Mu'jam al-Kabir*. Tahqiq: Hamdi Abdul Majid Salafi. Kahirah: Maktabah Ibnu Taymiyyah.
- [17] Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (1420H/2000M). *Jami'u al-Bayan fi Tafsir Al-Quran*. Bairut: Muassasah al-Risalah.
- [18] Al-Tarmizy, Muhammad bin 'Isa bin Surah. (1395H/1975M). *Sunan al-Tarmizy*. Tahqiq: Ahmad Muhammad syakir. Misr: Mustafa al-Halabi.
- [19] Al-Zamakhsyari, Jarullah Abu al-Qasim Mahmud bin Umar. (1953). *Al-Kasysyaf*. Kahirah: Al-Maktabah Al-Tijariyyah al-Kubra.
- [20] Al-Zarqani, Muhammad Abdul 'Azhim. (t.t.). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Kahirah: Maba'ah 'Isa al-Halabi.
- [21] Azzah binti Hasyim Muiny. (t.t.). *Al-Muqaddimah Fima Yajibu 'Ala Qariie al-Quran An Ya'lamahu*, Karya Ibn al-Jazari. Daurah Tadribiyyah 'Ilmiyyah.
- [22] Ibnu Hanbal, Ahmad. (1416H/1995M). *Musnad Imam Ahmad*. Tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir. Kahirah: Dar al-Hadits.
- [23] Ibnu Jazari, Abu al-Khair Muhammad al-Dimasyqi. (1414H). *Al-Nasyri fi al-Qiraat al-'Asyr*. Bairut: Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah.
- [24] Ibnu Khaldun, Abd al-Rahman Abu Zaid. (1957). *Tarikh Ibnu Khaldun al-Musamma al-'Ibar wa Diwan al-Mubtada wa al-Khabar*. Bairut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- [25] Ismail, Sya'ban Muhammad. (2001M/1422H). *Rasm al-Mushaf wa Dhabtuhu*. Kahirah: Dar al-Salam.